

1. Kerja-kerja _____ minyak di persisiran pantai Miri itu dijangka akan selesai tidak lagi.

- ☐ A menyusun atur
- ☐ B membaik pulih
- ☐ C menarik balik
- ☐ D mencari gali

2. Kami tidak dapat memulakan projek ini selagi belum mendapat _____ daripada pihak berkuasa di sini.

- ☐ A soal balas
- ☐ B hujah balas
- ☐ C tindak balas
- ☐ D maklum balas

3. Hariz berlatih bernyanyi bersungguh-sungguh kerana dia ingin menghadiri _____ pertandingan nyanyian.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B uji bakat
- ☐ C temu duga
- ☐ D temu ramah

4. Ibu bercadang untuk menggadai _____ miliknya untuk membiayai kos rawatan ayah di Institut Jantung Negara.

- ☐ A rantai-rantai emas
- ☐ B kasut-kasut sukan
- ☐ C wang-wang saku
- ☐ D duit-duit raya

5. Penduduk kampung secara _____ ingin membina semula rumah Pak Akob yang musnah akibat kebakaran.

- ☐ A tanggungjawab
- ☐ B antarabangsa
- ☐ C bumiputera
- ☐ D sukarela

6. Pihak yang bertanggungjawab akan _____ pelaksanaan undang-undang baharu yang dikenakan terhadap pesalah lalu lintas di negara ini.

- ☐ A membanding beza
- ☐ B menokok tambah
- ☐ C mengkaji semula
- ☐ D menimbang tara

7. Penerapan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam peperiksaan dapat meningkatkan _____ seseorang murid.

- ☐ A daya fikir
- ☐ B daya saing
- ☐ C daya upaya
- ☐ D tanda ingatan

8. Perdana Menteri mengadakan _____ untuk menjelaskan hasil perbincangannya _____ di Perdana Menteri Singapura.

- ☐ A sidang pengarang
- ☐ B sidang kemuncak
- ☐ C sidang pembaca
- ☐ D sidang akhbar

9. Semua bahan yang terkandung dalam buku ini tidak boleh diciplak kerana merupakan _____ pengarang.

- ☐ A pelan asal
- ☐ B reka letak
- ☐ C reka cipta
- ☐ D hak cipta

10. Arkitek itu telah _____ beberapa pelan rumah teres untuk dinilai oleh syarikat pemaju perumahan.

- ☐ A mencari gali
- ☐ B menarik balik
- ☐ C membaik pulih
- ☐ D mereka bentuk

11. Menurut kepercayaan nenek moyang, ibu-ibu yang sedang mengandung perlu mematuhi _____ yang ditetapkan supaya kesihatan ibu dan anak terpelihara.

- ☐ A asal usul
- ☐ B adat istiadat
- ☐ C kaum kerabat
- ☐ D pantang larang

12. Banyak murid yang membawa _____ ke sekolah walaupun perbuatan itu salah dari segi peraturan sekolah.

- ☐ A meja tulis
- ☐ B jam tangan
- ☐ C buku cerita
- ☐ D telefon bimbit

13. _____ hatinya apabila mengetahui bahawa tali pertunangannya telah diputuskan oleh pihak lelaki.

- ☐ A Hancur lebur
- ☐ B Rosak binasa
- ☐ C Resah gelisah
- ☐ D Patah semangat

14. Ayah saya gemar makan _____ apatah lagi jika dimasak oleh nenek.

- ☐ A otak udang
- ☐ B udang galah
- ☐ C galah panjang
- ☐ D galah cangghah

15. Keputusan _____ kecil itu dijangka dapat diketahui menjelang pukul 9:00 malam

- ☐ A balai raya
- ☐ B pasar raya
- ☐ C pilihan raya
- ☐ D bandar raya

16. Pihak polis akan _____ usaha bagi menumpaskan sindiket curi kereta mewah di sekitar Lembah Klang.

- ☐ A mencampuradukkan
- ☐ B menambahbaikkan
- ☐ C mengemaskinikan
- ☐ D melipatgandakan

17. Subjek Sains dan Matematik sememangnya diakui penting dan menjadi _____ kepada kecemerlangan murid.

- ☐ A garis pusat
- ☐ B tanda aras
- ☐ C kayu ukur
- ☐ D uji kaji

18. Saya bercadang untuk menyerahkan _____ yang berbaur ugutan itu kepada pihak polis.

- ☐ A surat akuan
- ☐ B surat layang
- ☐ C surat khabar
- ☐ D surat perjanjian

19. Puan Maziah mengajak anak lelaki bongsunya pergi ke kedai buku untuk membeli _____ teladan.

- ☐ A rak-rak buku
- ☐ B alat-alat tulis
- ☐ C meja-meja tulis
- ☐ D buku-buku cerita

20. Masalah antara pekerja itu tidak dapat diatasi kerana mereka enggan _____ dalam hal yang dipertikaikan.

- ☐ A bertimbang rasa
- ☐ B bertolak ansur
- ☐ C berurus niaga
- ☐ D bersatu padu